

Badan Perhubungan UMNO Kedah rayu Dr. M tidak bertanding

ALOR STAR 8 Sept. - Selepas UMNO Bahagian Kubang Pasu, Badan Perhubungan UMNO Kedah pula merayu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya menarik diri daripada bertanding sebagai perwakilan pada persidangan UMNO Bahagian Kubang Pasu, esok.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, Dr. Mahathir diminta memikirkan kesan yang mungkin menimpa UMNO di bahagian itu jika beliau meneruskan hasratnya.

Menurut beliau, sejarah membuktikan

bahawa penglibatan tokoh-tokoh besar dalam sesuatu pertandingan akan menyebabkan berlakunya perpecahan struktur dalam kalangan ahli parti.

"Tun (Dr. Mahathir) merupakan salah seorang tokoh besar yang mempunyai pengaruh yang kuat dan boleh memberi kesan kepada ahli jika meneruskan hasrat untuk bertanding.

"Itulah sebabnya juga kita tidak mahu jawatan Presiden dan Timbalan Presiden ditandingi kerana khuatirkan perpecahan dalam struktur parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Jerlun dekat sini, hari ini.

Um- 9/9/2006

Mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu esok bakal menjadi tumpuan apabila Dr. Mahathir bertanding merebut salah satu daripada tujuh kerusi perwakilan untuk ke Perhimpunan Agung parti November ini.

Dr. Mahathir menduduki tangga ke-16 daripada 17 calon yang bertanding selepas menerima 15 pencalonan daripada cawangan yang selesai bermesyuarat baru-baru ini.

Semalam, UMNO Bahagian Kubang Pasu membuat rayuan supaya Dr. Mahathir menarik diri daripada bertanding menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agung UM-

NO pada November ini.

Ketuanya, Datuk Mohd. Johari Bahrur berkata, sepucuk surat telah dikemukakan kepada Dr. Mahathir memohon supaya memikirkan semula keputusan untuk bertanding.

Mahdzir yang juga Menteri Besar Kedah bagaimanapun berkata, pihaknya tidak menghalang hasrat bekas Presiden UMNO itu untuk bertanding kerana ia tidak bercanggah dengan peraturan parti.

"Kita tidak menyekat tetapi adalah lebih baik Tun tidak bertanding kerana ia mungkin memberi kesan kepada UMNO Kubang Pasu," katanya.